

**EKSPRESI PENGALAMAN VISUAL PELAJAR ORANG ASLI
DALAM CATAN BAGI MATA PELAJARAN
PENDIDIKAN SENI VISUAL**

NORAZIAN BINTI RONA

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN SENI
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI SENI KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2014

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti bentuk ekspresi pengalaman visual pelajar orang Asli dalam catan yang dihasilkan. Terdapat tiga aspek penting yang menjadi tumpuan kajian iaitu ekspresi pengalaman visual dalam hasil karya, bentuk pengalaman visual yang mempengaruhi ekspresi seni dan hubungan persekitaran. Batasan kajian hanya tertumpu kepada pelajar Orang Asli yang bersekolah di sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Pusu, Gombak, Selangor, Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi kajian kes. Kaedah pengumpulan data kajian melibatkan temu bual, analisis karya dan rakaman visual. Seramai 22 orang informan dengan karya yang telah dihasilkan telah ditemubual berdasarkan pengalaman masing-masing. Hasil kajian menunjukkan terdapatnya pengaruh persekitaran dalam hasil karya yang diekspresikan sebagai representasi pengalaman visual pelajar-pelajar Orang Asli. Kesannya, ia telah mewujudkan identiti sendiri terhadap gaya dan olahan idea dalam karya yang dihasilkan. Secara kesimpulan, kajian ini membuktikan elemen persekitaran dapat meningkatkan kreativiti dan mewujudkan identiti terhadap gaya dan olahan idea dalam penghasilan karya. Hasil kajian ini diharap dapat dijadikan panduan dan penambahbaikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran pada masa akan datang.



‘INDIGENOUS STUDENTS’ VISUAL EXPERIENCE EXPRESSION IN PAINTINGS FOR VISUAL ARTS EDUCATION SUBJECT

ABSTRACT

This research is to identify the type of visual experience expression by the indigenous students in their paintings. There are three important aspects that the research focused on, which are visual experience expression in artwork, types of visual experience which influence the art expression and the environment relationship. The research is limited to indigenous students who go to Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Pusu, Gombak, Malaysia. A qualitative approach through case study was carried out. The research data was collected from interviews, artworks analysis and visual recordings. 22 informants with their artworks were interviewed based on their experiences. The result shows that the environment has influenced the expressed artworks as a representation to visual experience of the indigenous students. The outcome is, this has produced a personal identity in style and idea elaboration in artwork. Hopefully, the outcome of this research will be a guideline for further improvement in the teaching and learning process.



ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI GAMBAR	xi
BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 Latar Belakang	1
1.2 Pernyataan Masalah	7
1.3 Objektif Kajian	10
1.4 Persoalan Kajian	10
1.5 Kepentingan Kajian	10
1.6 Batasan Kajian	13
BAB 2: SOROTAN LITERATUR	16
2.1 Budaya Dan Persekitaran Semula jadi Masyarakat Orang Asli	16
2.2 Pendidikan Masyarakat Orang Asli	19
2.3 Pendidikan Seni Visual	21
2.4 Kerangka Konsep	23
2.5 Definisi Konsep	26

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN **29**

3.1 Kaedah Kajian 29

3.2 Fokus Kajian 31

3.3 Sumber Data 32

3.4 Kaedah Pengumpulan Data 32

BAB 4: EKSPRESI PENGALAMAN VISUAL PELAJAR ORANG ASLI

DALAM CATAN PELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL **36**

4.1 Ekspresi Pengalaman Visual Pelajar Orang Asli Dalam CatanBagi Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual 36

4.2 Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Ekspresi Seni Pelajar Orang Asli Terhadap Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual 83

4.3 Hubungan Persekitaran Dengan Hasil Karya Pelajar Orang Asli 100

BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN **107**

5.1 Ringkasan Kajian 107

5.2 Rumusan Dan Kesimpulan 108

5.3 Implikasi Dapatan Kajian 110

5.4 Cadangan Kajian Lanjutan 111

RUJUKAN **113**


LAMPIRAN A **118**

LAMPIRAN B	123
Contoh Kertas Soalan	123
LAMPIRAN C	129
Contoh Hasil Dapatan Dari Temu bual	129

SENARAI JADUAL

Muka Surat

1.1	Data Terperinci Responden	14
2.1	Matrik Pengumpulan Data	35



SENARAI RAJAH

Muka Surat

2.1	Teori Ekspresi Leo Tolstoy	24
2.2	Penjadualan Kajian Yang Diadaptasikan Dari Teori Leo Tolstoy	25



SENARAI GAMBAR

Muka Surat

4.1	'Pemandangan Air Terjun', 279mm x 381mm, Pensel Warna, Pen (2011)	37
4.2	'Pemandangan Air Terjun', 279mm x 381mm, Pensel Warna, Pen Marker (2011)	40
4.3	'Pemandangan Air Terjun', 279mm x 381mm, Pensel,Pensel Warna (2011)	42
4.4	'Pemandangan Air Terjun', 279mm x 381mm, Pensel Warna (2011)	44
4.5	'Pemandangan Air Terjun', 279mm x 381mm, Pensel Warna (2011)	46
4.6	'Pemandangan Air Terjun', 279mm x 381mm, Oil Pastel (2011)	48
4.7	'Pemandangan Air Terjun', 279mm x 381mm, Oil Pastel, Pensel Warna (2011)	50
4.8	'Pemandangan Air Terjun', 279mm x 381mm, Oil Pastel, Pensel Warna (2011)	52
4.9	'Pemandangan Air Terjun', 279mm x 381mm, Pensel Warna (2011)	54
4.10	'Dunia Gergasi', 279mm x 381mm, Oil Pastel (2011)	56
4.11	'Dunia Gergasi', 279mm x 381mm, Pensel Warna, Pensil (2011)	59
4.12	'Corak (Cap)', 279mm x 381mm,Sayur-Sayuran, Warna Air (2011)	61
4.13	'Corak (Cap)', 279mm x 381mm,Sayur-Sayuran, Warna Air (2011)	63
4.14	'Corak (Cap)', 279mm x 381mm,Sayur-Sayuran, Warna Air (2011)	65
4.15	'Corak (Cap)', 279mm x 381mm,Sayur-Sayuran, Warna Air (2011)	67
4.16.	'Corak (Cap)', 279mm x 381mm,Sayur-Sayuran, Warna Air (2011)	69


4.17	'Cendawan Gergasi', 279mm x 381mm, Pensel Warna (2011)	71
4.18	'Kampungku Yang Indah', 279mm x 381mm, Warna Air (2011)	73
4.19	'Cintai Alam Sekitar', 279mm x 381mm, Warna Poster (2011)	75
4.20	'Cintai Alam Sekitar', 279mm x 381mm, Warna Poster (2011)	77
4.21	'Cintai Alam Sekitar', 279mm x 381mm, Warna Poster (2011)	79
4.22	'Reka Corak Ukiran, 279mm x 381mm, Warna Poster (2011)	81
4.23	Persekitaran Tempat Tinggal Pelajar Orang Asli Yang Berdekatan Dengan Hutan	85
4.24	Persekitaran Penempatan Masyarakat Orang Asli	85
4.25	Hasil Seni Ukiran Patung Masyarakat Orang Asli	88
4.26	Hasil Seni Ukiran Topeng Masyarakat Orang Asli	88
4.27	Hasil Seni Anyaman Masyarakat Orang Asli	89
4.28	Hasilan Seni Kraf Bagi Kegunaan Harian Masyarakat Orang Asli	89
4.29	Hasilan Seni Kraf Bagi Pakaian Tarian Sewang Kaum Lelaki Dan Wanita	90
4.30	Hasilan Seni Kraf Bagi Aksesori Wanita	91
4.31	Hasilan Seni Kraf Bagi Aksesori	91
4.32	Persekitaran Tempat Tinggal Pelajar Orang Asli Yang Berdekatan Dengan Sumber Alam Semula jadi	95
4.33	Pelajar Orang Asli Ini Tidak Memberi Perhatian Terhadap Sesi Pengajaran Dan Pembelajaran	99
4.34	Pelajar Orang Asli Memberi Tumpuan Dalam Sesi Pengajaran Dan Pembelajaran Guru	99
4.35	Sumber Alam Di Persekitaran Penempatan Orang Asli	104

4.36	Suasana Persekitaran Sungai	104
------	-----------------------------	-----

4.37	Sumber Hutan Seperti Pokok Buluh Yang Turut Menjadi Inspirasi Dalam Penghasilan Karya	105
------	---	-----

4.38	Reka Bentuk Binaan Rumah Yang Turut Menjadi Sumber Ilham Dalam Penghasilan Karya	105
------	--	-----

4.39	Kraf Anyaman Menjadi Sumber Ilham Dalam Penghasilan Karya	106
------	---	-----



BAB 1

Pengenalan

1.1 Latar Belakang

Pendidikan Seni Visual merupakan mata pelajaran yang berperan besar dalam merentasi kurikulum yang mana ia melibatkan proses penghasilan karya yang merangkumi aspek pemahaman, penghayatan dan kritikan tentang perasaan estetik dan daya kreativiti melalui imaginasi dan konsepsi murid. Ia bertujuan memberi peluang kepada murid dalam memupuk minat, memperkembangkan keperibadian, memberi kesedaran dan kepekaan terhadap alam sekitar serta berperan memperkembangkan kreativiti melalui persepsi visual, imaginasi dan daya pemikiran melalui idea dan ekspresi diri. Menurut Mohd Johari Ab. Hamid (2007) mengatakan

kepentingan Pendidikan Seni adalah lebih penting dalam merealisasikan masyarakat ke arah kehidupan yang lebih sempurna sepertimana kepentingan mata pelajaran lain.

Oleh yang demikian, Pendidikan Seni Visual tidak terkecuali dalam mencapai hasrat dan matlamat pendidikan sebagaimana yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dalam Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (2000) iaitu mengembangkan potensi dan mutu peribadi secara menyeluruh dan bersepadu melalui perkembangan daya intelek serta keupayaan berfikir secara kreatif dan kritis. Pendidikan Seni Visual juga merupakan satu bentuk pendidikan yang bersistem, terancang dan prestasinya juga dinilai bagi memenuhi keperluan individu. Keperluan individu ini dapat dicapai melalui aktiviti seni yang melibatkan pengetahuan dan kemahiran.

“Huraian Sukatan Pelajaran mata pelajaran Pendidikan Seni Visual Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah mengandungi pelbagai aktiviti untuk membentuk keperibadian murid yang celik budaya, imaginatif, kritis, kreatif, inovatif dan inventif” (Pengarah Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002)

Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual ditujukan kepada perkembangan mutu peribadi pelajar, melalui perkembangan daya estetik, kreatif dan persepsinya. Menurut Linderman (1997) menyatakan bahawa Pendidikan Seni memberikan kesempatan bagi pelajar untuk menggunakan pendekatan kreatif dan intuitif untuk penyelesaian masalah dan sangat penting untuk mengimbangi perkembangan otak secara keseluruhan.

Peranan Pendidikan Seni Visual amat besar dalam memberi sumbangan dalam pembangunan negara seperti mana yang terkandung di dalam objektif Pendidikan Seni Visual itu sendiri antaranya ialah meningkatkan pengetahuan, daya kreativiti, inovasi, disiplin serta kemahiran dalam bidang seni visual yang dapat diamalkan dalam kehidupan dan kerjaya, menjadikan bidang seni visual sebagai prospek kerjaya serta membina jati diri ke arah pembentukan negara bangsa. Ia juga seiring dengan konsep pembelajaran seumur hidup. Menurut Baharom Mohammad & Illyas Hashim (2010) menyatakan pembelajaran ialah proses yang dilalui setiap individu sejak dilahirkan sehingga ke akhir hayat individu itu. Pembelajaran dapat berlaku secara langsung ataupun tidak langsung walau dalam apa bentuk, situasi dan keadaan.

Melalui kefahaman Kurikulum Pendidikan Seni Visual sekolah menengah ini, pelajar diterapkan dengan penghayatan dan ekspresi visual. Dengan itu, pelajar didedahkan dengan pengisian ilmu seni visual antaranya ialah bidang seni halus yang mana di bawahnya terdiri daripada lukisan, catan, cetakan dan arca di mana aktiviti yang sering dihasilkan dalam bidang ini adalah penjelmaan imej. Representasi imej yang dijelmakan itu adalah ekspresi visual yang tidak sama bagi setiap individu dan kebanyakannya mempamerkan elemen formalistik yang berbeza berdasarkan pengalaman visual masing-masing. Ia adalah bagi tujuan pernyataan dan komunikasi melalui gaya mereka sendiri berdasarkan rasa dalaman yang dianggap sebagai pernyataan perasaan, mahupun pengalaman visual masing-masing.

Pelajar melukis dan mencipta imej sesuai dengan tanggapan daripada apa yang mereka tahu dan lihat. Ini tertakluk kepada persepsi dan daya tafsir yang berbeza.

Dalam erti kata lain, sebarang ungkapan yang terpancar melalui imej yang dihasilkan ialah apa yang dirasakan sebagai satu ekspresi dalaman yang mempengaruhi ekspresi visualnya. Dengan itu terdapatnya pelbagai rupa dan corak yang terhasil dan diekspresikan oleh seseorang pelajar dalam hasil karya seni visual yang mana, karya seni visual itu sendiri ialah suatu ekspresi visual pada sesuatu idea atau pengalaman yang dibentuk menerusi penggunaan sesuatu bahan dengan menggunakan teknik-teknik tertentu.

Dalam konteks di Malaysia, sudah tentu rakyatnya terdiri daripada pelbagai kaum. Masyarakat yang terdiri dari pelbagai kaum pastinya akan mewujudkan corak sosio budaya yang berbeza. Menurut Syed Ismail Syed Mustapa & Ahmad Subki Maskon (2010) menyatakan sebagai kesimpulannya kaum merupakan salah satu pecahan bagi suatu bangsa seperti Kaum Asli. Komposisi penduduk yang pelbagai etnik telah menjadi signifikan semenjak kolonialisasi Inggeris. Menurut Amir Hasan Dawi (1999) etnik atau ethnos dalam bahasa asal Greek membawa makna kumpulan manusia atau bangsa. Peluang pendidikan adalah sama bagi setiap warga negara Malaysia termasuklah Orang Asli. Menurut Syed Ismail Syed Mustapa & Ahmad Subki Maskon (2010) menyatakan etnik juga dikenali juga sebagai kaum. Kelompok ini wujud disebabkan perbezaan budaya. Ini termasuklah keseluruhan cara berfikir dan cara bertindak yang meliputi sistem politik, kepercayaan, agama, bahasa, adat resam dan lain-lain. Ras pula merupakan satu kelompok manusia yang mempunyai persamaan dari segi ciri-ciri fizikal seperti warna kulit dan lain-lain.

Pelajar-pelajar Orang Asli adalah sebahagian daripada masyarakat Bumiputera di negara ini. Mereka diberi peluang dalam mendapatkan pendidikan yang sama seperti bangsa lain. Budaya Orang Asli itu sendiri sedikit sebanyak mempengaruhi keberkesanan dalam pendidikan. Menurut Linderman (1997) menyatakan pelajar datang ke sekolah dipengaruhi oleh budaya, sosial dan persekitaran rumah, pengalaman masa lalu mereka, kemampuan mereka mewarisi dan pembangunan kemahiran mereka. Secara amnya, budaya adalah aspek-aspek utama yang berkaitan dengan gaya hidup sesuatu kelompok masyarakat seperti nilai masyarakat, kepercayaan, artifak, cara tingkah laku dan cara berkomunikasi.

Syed Ismail Syed Mustapa & Ahmad Subki Maskon (2010) menyatakan terdapat perbezaan budaya antara masyarakat dengan masyarakat yang lain. Manusia itu sendiri yang akan membentuk budaya dan mengembangkan budaya dan seterusnya akan mengikut perkembangan masyarakat itu sendiri. Menurut Tubbs & Moss (1996) menyatakan bahawa budaya adalah suatu cara hidup yang berkembang dan dimiliki bersama oleh sebuah kelompok orang dan diwariskan dari generasi ke generasi. Manakala menurut Syed Ismail Syed Mustapa & Ahmad Subki Maskon (2010) menyatakan budaya merupakan warisan sosial manusia, cara pemikiran, perasaan dan tingkah laku yang boleh diwarisi.

Walaupun masyarakat Orang Asli kini sedang mengalami dinamisme selari dengan wawasan dan aspirasi negara dalam menuju ke arah kemajuan dan kemodenan dalam pelbagai aspek kehidupan, namun masyarakat Orang Asli ini masih tetap teguh memelihara warisan dalam mempertahankan tradisi nenek moyang mereka turun

temurun antaranya ialah persekitaran tempat tinggal yang mana mereka memilih untuk tinggal berdekatan dengan sumber alam semula jadi dan ini menjadikan masyarakat Orang Asli berlainan dengan masyarakat kaum yang lain. Sumber alam ini banyak dijadikan oleh masyarakat Orang Asli sebagai sumber utama dalam kehidupan mereka. Ramle Abdullah (2001) dalam Ma'rof Redzuan & Sarjit S.Gill (2008) menyatakan Orang Asli dikenali sebagai masyarakat yang bergantung hidup kepada hutan dan persekitaran semula jadi luar bandar dengan menjalani kegiatan ekonomi sara diri, seperti pertanian pindah, memburu dan mengumpul hasil hutan serta menangkap ikan.

Di peringkat persekolahan, kita sering dapat melihat gambaran dan imej yang dijemakan oleh pelajar bila mana sesuatu tema diketengahkan. Hasil karya yang dijemakan oleh pelajar-pelajar berbeza-beza antara satu sama lain termasuklah pelajar Orang Asli. Ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor sama ada dari segi psikologi mahupun sosiologi pelajar. Pelajar Orang Asli adalah merupakan kelompok pelajar yang sering kali menampilkan hasil karya yang mempunyai elemen formalistik yang pelbagai. Persekitaran kediaman pelajar Orang Asli yang berdekatan dengan sumber alam semula jadi serta suasana kehidupan yang dikelilingi dengan pelbagai aktiviti serta kemahiran yang kreatif ini memainkan peranan dalam menyampaikan pengalaman visual mereka. Di bawah mata pelajaran Pendidikan Seni Visual iaitu penghasilan Seni Visual, kita dapat melihat bagaimanapun ianya diekspresikan sebagai representasi pengalaman visual oleh pelajar-pelajar Orang Asli ke dalam hasil karya terutamanya menerusi bidang Seni Halus.

1.2 Pernyataan Masalah

Apabila memperkatakan tentang pelajar Orang Asli, kita akan kaitkan mereka dengan sikap dan cara hidup mereka yang sememangnya kita ketahui bahawa masyarakat Orang Asli adalah merupakan kelompok masyarakat minoriti yang mempunyai kehidupan yang agak berbeza sedikit dengan masyarakat yang lain. Dari segi suasana persekitaran penempatan perkampungan mereka mahupun budaya mereka. Menurut Syed Ismail Syed Mustapa & Ahmad Subki Maskon (2010) menyatakan kumpulan minoriti merupakan suatu kumpulan etnik dalam sesebuah masyarakat yang mempunyai jumlah ahli yang kecil. Jumlah ini sangat kecil dan tidak mampu mempengaruhi kumpulan-kumpulan etnik yang lain. Faktor geografi mempengaruhi budaya sesebuah kumpulan itu contohnya masyarakat pendalaman kaum Asli, Kadazan, Murud dan sebagainya.

Dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual, pelajar dikehendaki menghasilkan hasil karya bagi tujuan mengukur aras pemahaman pelajar dalam bidang-bidang yang diajar oleh guru seni melalui pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Maka pelajar Orang Asli ini tidak terkecuali dalam melakukan aktiviti ini. Apabila melihat hasil karya yang sering kali dihasilkan oleh pelajar Orang Asli, gambaran-gambaran imej yang digunakan adalah gambaran yang berkisarkan alam semula jadi. Elemen formalistik ditampilkan dengan pelbagai gaya walaupun pada tajuk yang sama. Kehidupan budaya masyarakat pelajar Orang Asli ini sedikit sebanyak memainkan peranan dalam penghasilan imej dalam hasil karya mereka.

Kita mengetahui bahawa karya seni visual ialah suatu ekspresi visual akan sesuatu idea

ataupun pengalaman yang dibentuk menerusi penggunaan sesuatu bahan ataupun medium dengan teknik-teknik tertentu.

Oleh yang demikian, melalui kajian ini, penyelidik ingin melihat bagaimana imej-imej yang gunakan oleh pelajar Orang Asli diekspresikan sebagai representasi pengalaman visual mereka melalui kajian ekspresi pengalaman visual pelajar Orang Asli dalam catan bagi mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Ini kerana mata pelajaran Pendidikan Seni Visual adalah merupakan mata pelajaran yang paling sesuai untuk melihat ekspresi pengalaman visual pelajar Orang Asli serta mengenal pasti bentuk pengalaman visual yang mempengaruhi ekspresi pelajar Orang Asli dalam catan disebabkan mata pelajaran ini merupakan mata pelajaran yang mempunyai bidang pengajaran dan pembelajaran yang mempunyai aktiviti yang menjurus kepada penghasilan karya di mana objektifnya adalah untuk melihat sejauh mana kefahaman pelajar terhadap sesuatu tajuk yang terkandung dalam Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Seni Visual Sekolah Menengah samada dari bidang seni halus, komunikasi visual, reka bentuk mahupun dari bidang kraf. Ia bersangkutan dengan tanggapan mahupun luahan rasa dalaman yang dipengaruhi oleh pengalaman visual persekitaran melalui gaya pengolahan seseorang pelajar terutamanya pelajar Orang Asli ini. Kajian ini juga akan melihat sejauhmana hubungan persekitaran mempengaruhi hasil karya pelajar Orang Asli.

“Apabila alam menjadi menjadi sebahagian dari kehidupan mereka dan mereka pula menjadi sebahagian dari kewujudan alam, maka lanjutan dari itu akan membuahkan kesenian yang dari masa ke masa menjadi semakin matang. Model ini menunjukkan peranan alam dapat menyara kehidupan mereka, dan sewajarnya alam menjadi latar kepada motif-motif dan daya imaginasi kesenian mereka.” (JHEOA:2008)

Menurut Khairul Hisyam Kamarudin & Ibrahim Ngah (2007) Orang Asli ialah

komuniti yang terbukti kaya dengan ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan tentang pengurusan alam semula jadi. Kehebatan komuniti tersebut ternyata berpunca daripada pengaplikasian kebijaksanaan ilmu tradisional yang diwarisi daripada generasi terdahulu. Manakala Kamarudin Husin (2010) menyatakan bahawa dalam konteks pendidikan kognitif di sekolah-sekolah, kesediaan pelajar untuk menerima konsep tertentu dan membina satu persepsi yang betul dan tepat haruslah diberi perhatian oleh guru.

Dengan memperkukuhkan kesedaran menerusi kajian ini diharap hasil dapatannya nanti akan dapat membantu meningkatkan pemahaman dan seterusnya meningkatkan amalan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual dalam kalangan guru mahupun pelajar Orang Asli itu sendiri. Kajian ini akan dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Pusu, Gombak, Selangor yang mana ia merupakan sebuah sekolah menengah di daerah Gombak yang berdekatan dengan penempatan perkampungan masyarakat Orang Asli serta pelajar Orang Asli yang bersekolah di sekolah ini.

1.3 Objektif Kajian

1. Menganalisa ekspresi pengalaman visual pelajar Orang Asli dalam hasil karya.
2. Mengenal pasti bentuk pengalaman visual yang mempengaruhi ekspresi seni pelajar Orang Asli dalam catan.
3. Meneliti hubungan persekitaran dengan hasil karya pelajar Orang Asli.

1.4 Persoalan Kajian

1. Bagaimanakah ekspresi pengalaman visual pelajar Orang Asli dalam hasil karya?
2. Bagaimanakah pelajar Orang Asli mengekspresikan pengalaman visual dalam catan ?
3. Sejauh manakah hubungan persekitaran mempengaruhi hasil karya pelajar Orang Asli?

1.5 Kepentingan Kajian

Secara umumnya, kita mengetahui bahawa kehidupan Orang Asli itu sendiri banyak dipengaruhi oleh alam sekitar yang kaya dengan hasil hutan serta aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan sumber semula jadi. Sememangnya ia sinonim dengan persekitaran tempat tinggal serta budaya kehidupan mereka. Pelajar Orang Asli lebih

cenderung dengan pengalaman kehidupan persekitaran mereka yang kaya dengan sumber alam. Pengalaman visual mereka lebih dekat dengan pengaruh yang berkisarkan alam sekeliling.

Dalam bidang pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual, terdapat aktiviti yang menjurus kepada penghasilan karya di mana objektifnya adalah untuk melihat sejauh mana kefahaman pelajar terhadap sesuatu tajuk yang terkandung dalam Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Seni Visual Sekolah Menengah. Dalam penghasilan karya pula terdapat aktiviti yang mana ia merupakan curahan idea yang bersangkutan dengan tanggapan mahupun luahan rasa dalaman yang dipengaruhi oleh pengalaman visual persekitaran melalui gaya pengolahan seseorang pelajar. Ia terhasil daripada hasil karya yang dibuat oleh pelajar itu sendiri samada dari bidang seni halus, komunikasi visual, reka bentuk mahupun dari bidang kraf. Dalam erti kata lain salah satu aktiviti yang terhasil melalui penghasilan karya adalah berbentuk ekspresi seni. Menurut Stern (1978) menyatakan, pengalaman dan perasaan mereka dapat dihayati dengan lebih tepat dan sempurna menerusi bahasa lain iaitu bahasa seni.

Berdasarkan pernyataan ini dapat dilihat bahawa aktiviti melukis dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual merupakan aktiviti yang mempunyai hubungan dengan pengalaman visual dalam mengadaptasikannya sebagai sumber idea bagi penghasilan karya. Dengan melalui kajian ini, diharapkan akan dapat melihat dengan lebih mendalam bagaimana sesebuah hasil karya pelajar Orang Asli dapat dihasilkan berdasarkan hubungan persekitaran yang seterusnya membantu pelajar dalam mewujudkan olahan idea dan seterusnya membantu pelajar dalam mewujudkan

identiti sendiri terhadap gaya persembahan hasil karya terutamanya dalam penghasilan catan. Menerusi kajian ini juga diharapkan dapat mengetahui bentuk pengalaman visual yang mempengaruhi ekspresi seni pelajar Orang Asli dalam penghasilan catan.

Kajian ini diharap juga dapat dijadikan sebagai panduan guru-guru terutamanya guru mata pelajaran Pendidikan Seni Visual bagi membantu pelajar dalam mewujudkan identiti sendiri terhadap gaya dan olahan idea menerusi penghasilan karya seterusnya menaikkan minat pelajar dalam menjalankan aktiviti berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Kajian ini diharap juga dapat dijadikan sebagai bahan rujukan oleh guru-guru, sekolah serta Kementerian Pendidikan Malaysia dalam penambahbaikan terhadap pendekatan-pendekatan yang diambil terhadap pelajar Orang Asli serta seterusnya terhadap kurikulum Pendidikan Seni Visual. Selain itu ia dapat memberi manfaat dalam penambahbaikan kepada guru-guru dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Maklumat ini boleh membantu para pendidik terutamanya guru mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dalam memahami psikologi pelajar dan memudahkan guru dalam membuat penyesuaian dari aspek pengajaran dan pembelajaran guru terutama dalam kalangan pelajar Orang Asli. Pihak warga guru juga dapat menyusun strategi pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan. Hasil kajian ini juga diharapkan dapat meningkatkan pengetahuan dan pengalaman pengkaji yang lebih mendalam melalui penyelidikan ilmiah berkaitan dengan pelajar Orang Asli berdasarkan latar belakang kehidupannya yang unik.

1.6 Batasan Kajian

a. Batasan Tempat

- i. Kajian ini akan dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Pusu, Gombak, Selangor yang mana ia merupakan salah sebuah sekolah menengah di daerah Gombak. Rasionalnya sekolah ini dipilih adalah kerana sekolah ini adalah sekolah yang menempatkan anak-anak Orang Asli yang tinggal di Batu 12, Gombak, Selangor untuk bersekolah di situ. Ini juga kerana sekolah ini merupakan sekolah yang berhampiran dengan penempatan Orang Asli Batu 12, Gombak, Selangor.

b. Batasan Masa

- i. Kajian ini akan dijalankan di sekolah sewaktu sesi pembelajaran Pendidikan Seni Visual.
- ii. Masa yang akan diambil bagi pemerhatian adalah diantara tempoh masa pembelajaran iaitu 1 jam 20 minit bagi 2 masa dalam seminggu bagi tingkatan 1 dan 2 manakala bagi tingkatan 4 pula ialah 2 jam 40 minit bagi 4 masa dalam seminggu.
- iii. Berlakunya pertindihan masa dengan aktiviti-aktiviti lain yang diadakan oleh pihak sekolah antaranya aktiviti sukan tahunan, program motivasi dan lain-lain.
- iv. Bagi sesi temu bual dengan pelajar serta guru, pengkaji akan cuba menemui bual responden di luar waktu pembelajaran Pendidikan